



MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di bawah **Gred: G2, Kategori : CE14 (Landskap) dan AHLI ARBORIKULTUR** yang berkelayakan (**ISA CERTIFICATED ARBORIST**) serta berdaftar dengan **Majlis Bandaraya Kuantan** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

TAJUK	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH TAKLIMAT SEBUTHARGA	TARIKH PEMBELIAN NASKAH	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Dan Pengurusan Risiko Pokok – Pokok Di Majlis Bandaraya Kuantan Peruntukan Jabatan Landskap Negara (JLN) MBK/W/SH: 116/2022	RM 50.00	CIDB Gred : G2 Kategori : CE14 (Landskap) Pengurusan dan Penyelenggaraan Risiko Pokok hendaklah disediakan dan dipantau oleh AHLI ARBORIKULTUR yang berkelayakan (ISA CERTIFICATED ARBORIST) Dan yang berdaftar dengan Majlis Bandaraya Kuantan	Tarikh Taklimat: 27 Julai 2022 (Rabu) Bertempat di: Pejabat Landskap, Jalan Teluk Chempedak Masa : 10.00 pagi	Tarikh pembelian dokumen mulai 27 Julai 2022 (Rabu) Tarikh tamat pembelian pada 2 Ogos 2022 (Selasa)	4 Ogos 2022 (Khamis) jam 12.00 tengahari

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **27 Julai 2022 (Rabu)** di Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Majlis Bandaraya Kuantan, Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kontrak Kerajaan (CIDB) dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU)** serta satu salinan sijil-sijil berikut semasa pembelian dokumen sebutharga.
 1. **Bukti Pelepasan i-Clean** (<http://iclean.mbk.gov.my/portal>)
 2. **Sijil CIDB** (tarikh sijil masih sah laku)
 3. **Sijil SSM**
 4. **Sijil MBK** (tarikh sijil masih sah laku)
 5. **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU)**
 6. **ARBORIKULTUR** yang berkelayakan (**ISA CERTIFICATED ARBORIST**)

3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas tajuk kerja dan no. sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada:- **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuantan, Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengahari** pada atau sebelum **4 Ogos 2022 (Khamis)**.
4. Pihak MBK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang di tanggung oleh petender untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Pembangunan Landskap MBK di talian : 09-5121666 ext : 7749**

Bahagian Pembangunan Landskap
Jabatan Landskap
Majlis Bandaraya Kuantan